

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEWANGAN BERKANUN

31 DISEMBER 2009

1745A0/zu

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

KANDUNGAN

	MUKASURAT
LAPORAN PENGARAH	1 - 6
KENYATAAN PENGARAH	7
AKUAN BERKANUN	7
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	8 - 9
KUNCI KIRA-KIRA	10
PENYATA PENDAPATAN	11
AKAUN HASIL INSURANS AM	12 - 13
PENYATA PERUBAHAN EKUITI	14
PENYATA ALIRAN TUNAI	15 - 16
NOTA PADA PENYATA KEWANGAN	17 - 58

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH

Dengan sukacitanya, para Pengarah mengemukakan kepada ahli-ahli laporan serta penyata kewangan beraudit Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.

AKTIVITI UTAMA

Syarikat terlibat secara utamanya dalam perniagaan penajaan jamin semua kelas insurans am. Tiada terdapat perubahan besar dalam sifat aktiviti ini sepanjang tahun berkenaan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

RM

Untung bersih bagi tahun berkenaan

47,068,171

DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar atau diisytihar oleh Syarikat sejak berakhirnya tahun terdahulu. Para Pengarah tidak mengesyorkan sebarang pembayaran dividen berkaitan dengan tahun semasa.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Kesemua pindahan ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan pada sepanjang tahun berkenaan didedahkan dalam nota pada penyata kewangan.

LIABILITI INSURANS

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan bahawa terdapat peruntukan yang mencukupi untuk liabiliti insurans mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan dalam Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("Rangka Kerja RBC") yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk digunapakai oleh penginsurans.

HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan bahawa tindakan yang tepat telah diambil berkaitan dengan penghapusan kira hutang lapuk dan dalam penyediaan peruntukan untuk hutang ragu dan berpuashati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang memadai telah disediakan untuk hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan kekurangan yang besar dalam jumlah yang telah dihapus kira untuk hutang lapuk atau dalam jumlah peruntukan untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERISTIWA PENTING SEPANJANG TAHUN

Pada 1 Februari 2009, Syarikat telah sempurna mengambalalih aset-aset dan liabiliti-liabiliti tertentu dalam perniagaan insurans am PanGlobal Insurance Berhad bagi imbalan tunai berjumlah RM15,000,000. Butiran pengambalihan tersebut diperincikan dalam Nota 30 pada penyata kewangan.

ASET SEMASA

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa yang tidak mungkin terealis dalam perjalanan biasa perniagaan, nilainya seperti yang ditunjuk dalam rekod perakaunan Syarikat telah dikurang kira kepada suatu amaun yang dijangka boleh terealis.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan nilai-nilai yang dikaitkan dengan aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan terhadap kaedah penilaian semasa ke atas aset atau liabiliti Syarikat sebagai mengelirukan atau tidak sesuai.

LIABILITI KONTINGEN DAN LAIN-LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran pada aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun untuk menjamin liabiliti mana-mana orang, atau
- (b) sebarang liabiliti kontingen berhubung dengan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun.

Tiada liabiliti kontingen atau lain-lain Syarikat yang telah terkuatkuasa atau berkemungkinan terkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun yang, pada pandangan para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan dengan teruk keupayaan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila perlu.

Bagi tujuan perenggan ini, liabiliti kontingen atau lain-lain tidak termasuk liabiliti yang berbangkit daripada kontrak insurans yang ditaja jamin dalam perjalanan biasa perniagaan Syarikat.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan, yang belum ditangani dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan sebagai mengelirukan.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERKARA BERSIFAT LUARBIASA

Pada pandangan para Pengarah, keputusan kendalian Syarikat sepanjang tahun tidak terjejas dengan teruk oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat material atau luarbiasa.

Di antara waktu akhir tahun dengan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusanniaga atau perkara yang bersifat material atau luarbiasa yang, pada pendapat para Pengarah, berkemungkinan untuk menjejaskan dengan teruk keputusan kendalian Syarikat bagi tahun laporan ini dibuat.

SAHAM MODAL

Tiada saham baru diterbitkan oleh Syarikat pada sepanjang tahun berkenaan.

URUS TADBIR SYARIKAT

Syarikat telah mematuhi semua keperluan preskriptif dan menerapkan amalan pengurusan yang konsisten dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah JPI/GPI 25 (Disatukan): Rangka Kerja Berhemat Urus Tadbir Syarikat bagi Penanggung Insurans dan JPI/GPI 1 (Disatukan): Piawai Minimum bagi Pengurusan Berhemat Penanggung Insurans, yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Demi mematuhi JPI/GPI 1 (Disatukan): Piawai Minima bagi Pengurusan Berhemat Penanggung Insurans, Lembaga Pengarah ("Lembaga") telah menubuhkan tiga sub-jawatankuasa pada tahun 2003 seperti yang dinyatakan di bawah:

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Tanggungjawab utama Jawatankuasa tersebut ialah untuk mengesyorkan suatu rangka kerja pengurusan risiko, dari segi strategi, dasar dan toleransi risiko, bagi kelulusan Lembaga dan juga untuk membekal suatu penilaian menyeluruh terhadap kecukupan infrastruktur laporan risiko, termasuk sistem sumber dan sokongan, dalam menggalakkan suatu budaya pengurusan risiko yang pro-aktif.

Jawatankuasa tersebut terdiri daripada dua orang Pengarah bukan-eksekutif bebas dan seorang Pengarah bukan-eksekutif dan bukan-bebas. Mereka ialah Teh Boon Eng, Takashi Yoshikawa dan Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan.

Empat mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah diadakan sepanjang tahun. Semua Pengarah telah hadir pada setiap mesyuarat tersebut.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

URUS TADBIR SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (sambungan)

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat terdiri daripada sebuah proses berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat menerusi kawalan dalaman dan fungsi pengurusan yang ditetapkan yang meliputi semua tahap personel dan proses-proses perniagaan bagi memastikan semua kendalian Syarikat dikendalikan secara berkesan dan efisien serta untuk memelihara aset Syarikat dan kepentingan pemegang amanah. Proses ini disokong oleh sebuah sistem maklumat yang boleh dipercayai yang merangkumi semua aktiviti penting. Penilaian yang berterusan terhadap keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman yang termasuk pemeriksaan bebas ke atas kawalan tersebut oleh fungsi audit dalaman, memastikan tindakan pembetulan, jika perlu, diambil tepat pada masanya.

Jawatankuasa Pencalonan

Tanggungjawab utama Jawatankuasa ialah untuk memastikan anggota Lembaga terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai keupayaan teknikal yang diperlukan, sikap profesional, gabungan pelbagai kemahiran dan wujudimbangan antara pengarah eksekutif, pengarah bukan-eksekutif dan pengarah bebas bagi memastikan tanggungjawab Lembaga dilaksanakan dengan efektif.

Jawatankuasa juga bertindak membuat syor bagi pelantikan, kenaikan pangkat dan penyingkiran pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Penasihat Teknikal serta menyediakan penilaian ke atas prestasi dan sumbangan individu mereka kepada Syarikat secara keseluruhannya.

Jawatankuasa terdiri daripada dua orang Pengarah bukan-eksekutif bebas, dua orang Pengarah bukan-eksekutif bukan-bebas dan seorang Pengarah eksekutif bukan-bebas. Mereka adalah Teh Boon Eng, Takashi Yoshikawa, Hironari Iwakuma, Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan dan Dai Inoue.

Tiga mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan telah diadakan sepanjang tahun, yang mana dua orang Pengarah tidak dapat hadir pada satu mesyuarat setiap seorang kerana mempunyai urusan lain.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga terdiri daripada enam anggota, dan lima daripada mereka merupakan Pengarah bukan-eksekutif. Semua anggota Lembaga memiliki kelayakan dan pengalaman yang diperlukan dalam semua aspek perniagaan insurans untuk memastikan dengan berkesan bahawa Syarikat beroperasi di bawah standard profesionalisma yang tertinggi.

Enam mesyuarat Lembaga telah diadakan sepanjang tahun kewangan berkenaan, yang mana dua orang Pengarah tidak dapat hadir pada satu mesyuarat setiap seorang disebabkan terikat dengan urusan lain.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

URUS TADBIR SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Saraan

Tanggungjawab utama Jawatankuasa ini ialah untuk merumuskan dan mengesyor kepada Lembaga, struktur dan dasar saraan, termasuk syarat-syarat pekerjaan atau kontrak perkhidmatan bagi pengarah eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Penasihat Teknikal, dan untuk memastikan terdapat kaitan yang kukuh antara tahap saraan dengan prestasi individu berdasarkan sasaran yang dipersetujui untuk pakej saraan.

Jawatankuasa tersebut terdiri daripada dua orang Pengarah bebas bukan-eksekutif dan seorang Pengarah bukan-bebas bukan-eksekutif. Mereka adalah Teh Boon Eng, Takashi Yoshikawa dan Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan.

Dua mesyuarat Jawatankuasa Saraan telah diadakan sepanjang tahun kewangan berkenaan, yang mana semua Pengarah telah menghadiri diri.

PENGARAH DAN KEPENTINGAN MEREKA DALAM SAHAM

Pengarah yang telah memegang jawatan sejak tarikh laporan terdahulu adalah seperti berikut:

Teh Boon Eng

Emeritus Professor Dato' Dr Lian Chin Boon

Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan

Dai Inoue

Hironari Iwakuma

Takashi Yoshikawa

Jun Hemmi

(Dilantik pada 5 Ogos 2009)

(Letak jawatan pada 5 Ogos 2009)

Menurut Tataurusian Persatuan Syarikat, Dai Inoue dan Hironari Iwakuma akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dan oleh kerana layak, menawarkan diri untuk perlantikan semula.

Mengikut daftar pemegangan saham pengarah, tiada seorang pun Pengarah yang berkhidmat pada penghujung tahun kewangan berkenaan mempunyai apa-apa kepentingan dalam saham atau debentur Syarikat atau perbadanan berkaitnya.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

MANFAAT PENGARAH

Pada sepanjang dan akhir tahun berkenaan, tidak wujud sebarang perkiraan yang melibatkan Syarikat bertujuan untuk membolehkan para Pengarah Syarikat memperoleh manfaat secara pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan perbadanan.

Sejak akhir tahun terdahulu, tiada Pengarah Syarikat telah menerima or menjadi layak untuk menerima sebarang manfaat (selain daripada saraan Pengarah dan manfaat bukan berbentuk wang yang dipaparkan dalam nota pada penyata kewangan Syarikat ini, Tokio Marine Asia Pte. Ltd., sebagai syarikat pemegang Syarikat ini dan Tokio Marine and Nichido Fire Insurance Company Limited, sebagai anak syarikat bagi syarikat pemegang utama Syarikat ini) menerusi kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau sebuah perbadanan berkait dengan Pengarah atau sebuah firma yang dianggotainya atau dengan sebuah syarikat yang ia mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

SYARIKAT PEMEGANGAN UTAMA

Para Pengarah menganggap Tokio Marine Holdings Inc., sebuah syarikat yang diperbadankan di Jepun, sebagai syarikat pemegang utama Syarikat.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi mereka bertarikh 19 Mac 2010.



TEH BOON ENG
PENGARAH



HIRONARI IWAKUMA
PENGARAH

Kuala Lumpur

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

**KENYATAAN PENGARAH MENGIKUT
SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965**

Kami, Teh Boon Eng dan Hironari Iwakuma, sebagai dua daripada Pengarah Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentang pada halaman 10 hingga 58 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan Syarikat pada 31 Disember 2009 dan terhadap keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh berkenaan menurut Piawai Pelaporan Kewangan ("FRS"), iaitu Piawai Perakaunan Yang Diluluskan di Malaysia oleh Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia ("MASB") untuk Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, yang diubahsuai oleh Bank Negara Malaysia, dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi mereka bertarikh 19 Mac 2010.



TEH BOON ENG
PENGARAH



HIRONARI IWAKUMA
PENGARAH

**AKUAN BERKANUN
MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Heng Kiah Ngan, sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab secara utamanya bagi pengurusan kewangan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, dengan bersungguh-sungguh dan suci hati mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 10 hingga 58 adalah, pada pendapat saya, betul, dan saya membuat akuan yang bersungguh-sungguh ini dengan penuh keyakinan bahawa penyata kewangan tersebut adalah benar, dan menepati peruntukan-peruntukan Akta Aakuan Berkanun, 1960.




DR HENG KIAH NGAN

Ditandatangani dan diakui dengan bersungguh-sungguh oleh Heng Kiah Ngan yang bernama di atas di Kuala Lumpur di Malaysia pada 19 Mac 2010.

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAAH



**Bangunan PSM
No 17B, Jalan Bangsar
59200 Kuala Lumpur.**

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**
(Diperbadankan di Malaysia)
(No Syarikat. 149520 U)

LAPORAN TENTANG PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, yang terdiri daripada kunci kira-kira pada 31 Disember 2009, dan penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun yang berakhir berikut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain, seperti yang dibentangkan pada halaman 10 hingga 58.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan and pembentangan yang saksama terhadap penyata kewangan ini mengikut Piawai Pelaporan Kewangan ("FRS"), yang merupakan Piawai Perakaunan Yang Diluluskan di Malaysia oleh MASB bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, yang diubahsuai oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"), serta Akta Syarikat, 1965. Tanggungjawab ini termasuk mereka bentuk, melaksana dan menyenggara kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kekhilafan, pemilihan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan yang sesuai, dan pembikinan anggaran perakaunan yang sesuai mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat terhadap penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami menjalankan audit kami mengikut piawai pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawai tersebut mengkehendaki kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksana audit tersebut untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan bebas daripada salah nyata material.

Sebuah audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur untuk memperoleh bukti audit tentang amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung pada penilaian kami, termasuk penilaian risiko salah nyata material penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kekhilafan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan Syarikat untuk tujuan mereka bentuk prosedur audit yang sesuai mengikut keadaan, tetapi bukan bagi tujuan memberi pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Sebuah audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan keberpatutan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Pengarah, serta menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami peroleh adalah memadai dan sesuai untuk memberi suatu asas bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan dengan betul mengikut FRS, yang diubahsuai oleh BNM, dan Akta Syarikat, 1965, untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2009 dan tentang prestasi kewangan dan aliran tuainya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD (SAMBUNGAN)
(Diperbadankan di Malaysia)
(No Syarikat. 149520 U)

LAPORAN TENTANG KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN PERATURAN LAIN

Mengikut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami turut melaporkan bahawa, pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan lain-lain serta buku-buku daftar yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan betul seperti yang dikehendaki oleh peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

LAIN-LAIN PERKARA

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, mengikut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang terhadap kandungan laporan ini.



PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Akauntan Berpiagam



SRIDHARAN NAIR
(No. 2656/05/10 (J))
Akauntan Berpiagam

Kuala Lumpur
19 Mac 2010

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2009

	<u>Nota</u>	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
ASET			
Harta, loji dan peralatan	4	14,919,830	11,365,848
Ehsan	5	26,929,731	26,929,731
Sekuriti			
- Dipegang-untuk-perdagangan	6	62,520,870	-
- Tersedia-di-jual	6	510,658,189	-
- Dipegang-hingga-matang	6	93,657,956	-
Pelaburan	7	-	260,753,711
Pinjaman	8	8,866,940	10,356,430
Cukai semasa boleh dapat semula		1,307,289	-
Aset cukai tertunda	13	-	5,300,000
Belum terima	9	114,772,227	98,279,688
Deposit tetap dan panggilan	10	382,659,310	560,568,484
Tunai dan baki bank		29,150,938	22,439,950
JUMLAH ASET		<u><u>1,245,443,280</u></u>	<u><u>995,993,842</u></u>
LIABILITI			
Liabiliti tuntutan	11	448,425,876	308,313,246
Belum Bayar	12	113,145,981	89,731,397
Liabiliti cukai semasa		-	4,176,667
Liabiliti cukai tertunda	13	800,000	-
		<u>562,371,857</u>	<u>402,221,310</u>
Liabiliti premium	14	239,701,595	197,215,752
JUMLAH LIABILITI		<u><u>802,073,452</u></u>	<u><u>599,437,062</u></u>
EKUITI PEMEGANG SAHAM			
Saham Modal	15	278,000,000	278,000,000
Perolehan tertahan	16	161,986,700	117,839,283
Rizab penilaian semula	17	717,497	717,497
Rizab tersedia-di-jual	17	2,665,631	-
Jumlah ekuiti pemegang saham		<u>443,369,828</u>	<u>396,556,780</u>
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SAHAM		<u><u>1,245,443,280</u></u>	<u><u>995,993,842</u></u>

Nota sertaan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	<u>Nota</u>	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
Hasil kendalian	18	<u>733,271,466</u>	<u>603,415,004</u>
Dana pemegang saham:			
Pendapatan pelaburan	19	284,159	135,384
Perbelanjaan kendalian lain	21	<u>(31,690,631)</u>	<u>(1,127,380)</u>
		(31,406,472)	(991,996)
Lebih dipindah daripada Akaun Hasil Insurans Am (mukasurat 12 dan 13)		<u>91,511,950</u>	<u>45,250,194</u>
Untung sebelum cukai		60,105,478	44,258,198
Cukai	22	<u>(13,037,307)</u>	<u>(12,083,689)</u>
Untung bersih bagi tahun		<u>47,068,171</u>	<u>32,174,509</u>
Perolehan sesaham	23	<u>0.17</u>	<u>0.30</u>

Nota sertaan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

AKAUN HASIL INSURANS AM
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	<u>Nota</u>	<u>Kebakaran</u> RM	<u>Motor</u> RM	Marin, Penerbangan & Transit RM	<u>Lain-lain</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
Premium kasar Insurans semula	18	110,953,221 (59,640,309)	409,944,333 (21,980,275)	47,301,995 (13,251,009)	133,575,297 (42,541,054)	701,774,846 (137,412,647)
Premium bersih		51,312,912	387,964,058	34,050,986	91,034,243	564,362,199
Susut/(naik) dalam Liabiliti premium	14	2,902,440	(4,867,699)	1,592,977	(5,079,561)	(5,451,843)
Premium terperoleh		54,215,352	383,096,359	35,643,963	85,954,682	558,910,356
Tuntutan bersih tertanggung	24	(13,762,788)	(308,519,189)	(10,756,197)	(41,652,991)	(374,691,165)
Pendapatan/(belanja) Komisyen bersih		6,343,652	(38,552,806)	(2,865,442)	(12,183,032)	(47,257,628)
Lebihan tajajamin sebelum belanja pengurusan		46,796,216	36,024,364	22,022,324	32,118,659	136,961,563
Belanja pengurusan	20					(98,028,241)
Lebihan tajajamin						38,933,322
Pendapatan pelaburan	19					31,212,461
Pendapatan kendalian lain –bersih	21					21,366,167
Lebihan dipindah ke Penyata pendapatan						91,511,950

Nota sertaan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

AKAUN HASIL INSURANS AM
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Nota	Kebakaran RM	Motor RM	Marin, Penerbangan & Transit RM	Lain-lain RM	Jumlah RM
Premium kasar Insurans semula	18	97,077,801 (55,686,785)	330,036,672 (17,296,568)	46,217,050 (13,072,395)	107,351,355 (29,882,708)	580,682,878 (115,938,456)
Premium bersih		41,391,016	312,740,104	33,144,655	77,468,647	464,744,422
Peningkatan dalam liabiliti premium	14	(3,103,734)	(41,167,665)	(1,567,793)	(3,490,479)	(49,329,671)
Premium terperoleh		38,287,282	271,572,439	31,576,862	73,978,168	415,414,751
Tuntutan tertanggung bersih	24	(22,248,481)	(194,405,295)	(12,714,834)	(38,797,455)	(268,166,065)
Pendapatan/(belanja) komisyon bersih		4,466,447	(31,376,947)	(2,260,983)	(10,146,250)	(39,317,733)
Lebihan tajajamin sebelum belanja pengurusan		20,505,248	45,790,197	16,601,045	25,034,463	107,930,953
Belanja pengurusan	20					(79,432,995)
Lebihan tajajamin						28,497,958
Pendapatan pelaburan	19					22,596,742
Perbelanjaan kendalian lain - bersih	21					(5,844,506)
Lebihan dipindah ke Penyata pendapatan						45,250,194

Nota sertaan merupakan bahagian penting penyata kewangan ini.

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	<u>Nota</u>	<u>Saham biasa diterbitkan dan berbayar penuh berharga RM1 sesaham</u>		<u>Tak boleh agih</u>		<u>Boleh agih</u>	<u>Jumlah</u> RM
		<u>Bilangan saham</u>	<u>Nilai nominal</u> RM	<u>Rizab penilaian semula</u> RM	<u>Rizab tersedia-di-jual</u> RM	<u>Perolehan tertahan</u> RM	
Pada 1 Januari 2009 (seperti dinyatakan terdahulu)		278,000,000	278,000,000	717,497	-	117,839,283	396,556,780
Pelarasan daripada perubahan dalam dasar perakaunan	31	-	-	-	987,676	(2,920,754)	(1,933,078)
Pada 1 Januari 2009 (seperti dinyatakan semula)		278,000,000	278,000,000	717,497	987,676	114,918,529	394,623,702
Untung bersih bagi tahun kewangan		-	-	-	-	47,068,171	47,068,171
Pergerakan dalam rizab tersedia-di-jual		-	-	-	1,677,955	-	1,677,955
Pada 31 Disember 2009		<u>278,000,000</u>	<u>278,000,000</u>	<u>717,497</u>	<u>2,665,631</u>	<u>161,986,700</u>	<u>443,369,828</u>

	<u>Nota</u>	<u>Saham biasa diterbitkan dan berbayar penuh berharga RM1 sesaham</u>		<u>Tak boleh agih</u>	<u>Boleh-agih</u>	<u>Jumlah</u> RM
		<u>Bilangan saham</u>	<u>Nilai nominal</u> RM	<u>Rizab penilaian semula</u> RM	<u>Perolehan tertahan</u> RM	
Pada 1 Januari 2008		100,000,000	100,000,000	717,497	85,664,774	186,382,271
Untung bersih bagi tahun		-	-	-	32,174,509	32,174,509
Penerbitan saham	15	178,000,000	178,000,000	-	-	178,000,000
Pada 31 Disember 2008		<u>278,000,000</u>	<u>278,000,000</u>	<u>717,497</u>	<u>117,839,283</u>	<u>396,556,780</u>

Nota sertaan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	<u>Nota</u>	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN			
Untung bersih bagi tahun		47,068,171	32,174,509
Pelarasan:			
Harta, loji and peralatan			
- susut nilai		6,320,710	4,577,953
- untung/(rugi) atas pelupusan		233,709	(137,974)
- hapus kira		16,424	35,425
Pelunasan sewa pajak prabayar		64,756	55,556
Untung nilai saksama atas sekuriti dipegang-untuk-perdagangan(18,207,388)			-
Peruntukan untuk rosotan nilai pelaburan		-	6,828,686
(Pertambahan diskaun)/pelunasan premium - bersih		(165,990)	423,023
Untung ke atas pelupusan sekuriti dipegang-untuk-perdagangan		(571,063)	-
Untung ke atas pelupusan sekuriti tersedia-untuk-dijual		(1,264,870)	-
Kerugian ke atas pelupusan pelaburan		-	558,564
Pendapatan pelaburan		(31,330,630)	(23,155,149)
Masuk kira semula hutang ragu		(1,890,388)	(1,789,885)
Hapus kira hutang lapuk		156,797	409,584
Kenaikan dalam liabiliti premium		5,451,843	49,329,671
Kekejangan ehsan		31,411,824	-
Perbelanjaan cukai		13,037,307	12,083,689
		<hr/>	<hr/>
Keuntungan daripada kendalian sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti kendalian		50,331,212	81,393,652
Pembelian pelaburan		(557,341,031)	(289,175,565)
Penerimaan daripada pelupusan pelaburan		107,801,696	22,625,159
Penerimaan daripada kematangan pelaburan		68,423,034	122,263,859
Susut /(naik) dalam deposit tetap dan panggilan		177,909,174	(151,195,857)
(Naik)/susut dalam belum terima		(7,457,497)	196,135
Kenaikan dalam liabiliti tuntutan		32,523,876	30,159,431
Kenaikan dalam belum bayar		17,088,563	6,182,137
Susut/(naik) dalam pinjaman		1,489,489	(455,974)
		<hr/>	<hr/>
		(109,231,484)	(178,007,023)
Cukai dibayar		(13,378,995)	(6,433,740)
Pendapatan pelaburan diterima:			
- Faedah		27,820,802	20,696,911
- Dividen		4,687,323	1,247,099
- Sewa		119,763	114,107
		<hr/>	<hr/>
Tunai bersih diguna dalam aktiviti kendalian	25	(89,982,591)	(162,382,646)
		<hr/>	<hr/>

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

	<u>Nota</u>	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pemerolehan perniagaan insurans am	30	104,975,055	-
Pembelian harta, loji and peralatan		(8,521,411)	(7,578,669)
Penerimaan daripada pelupusan harta, loji and peralatan		239,935	439,297
		<u>96,693,579</u>	<u>(7,139,372)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN			
Penerbitan saham	25	-	178,000,000
KENAIKAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI			
	25	6,710,988	8,477,982
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI			
		<u>22,439,950</u>	<u>13,961,968</u>
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER			
	25	<u>29,150,938</u>	<u>22,439,950</u>
TUNAI DAN SETARA TUNAI TERDIRI DARIPADA:			
Tunai dan baki bank		<u>29,150,938</u>	<u>22,439,950</u>

Nota sertaan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009

1 AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT UMUM

Syarikat terlibat secara utamanya dalam tajaan jamin semua jenis kelas perniagaan insurans am. Tiada perubahan ketara dalam sifat aktiviti ini sepanjang tahun kewangan berkenaan.

Syarikat merupakan sebuah syarikat awam liabiliti terhad, yang diperbadankan dan berpangkalan di Malaysia.

Pejabat berdaftar Syarikat berlokasi di:

Aras 18, Symphony House, Block D13, Pusat Dagangan Dana 1,
Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tempat utama perniagaan Syarikat berlokasi di:

Tingkat 29 - 31, Menara Dion
27 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Para Pengarah menganggap Tokio Marine Holdings Inc. sebuah syarikat yang diperbadankan di Jepun, sebagai syarikat pemegang utama Syarikat.

Penyata kewangan telah dibenarkan untuk penerbitan oleh Lembaga Pengarah menurut sebuah resolusi Pengarah bertarikh 19 Mac 2010.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, dasar-dasar perakaunan berikut telah diguna secara konsisten dalam menangani perkara-perkara yang dianggap material berkaitan dengan penyata kewangan.

(a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengguna konvensyen kos sejarah melainkan seperti yang didedahkan dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan penting ini. Penyata kewangan mematuhi Piawai Pelaporan Kewangan ("FRS"), yang merupakan Piawai Perakaunan Di Malaysia untuk Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian yang Diluluskan oleh Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia ("MASB"), peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1996 dan Panduan dan Pekeliling relevan lain yang dikeluarkan oleh BNM dalam semua aspek penting, diubahsuai oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") berhubung dengan perkara berikut seperti yang tentukan dalam Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("RBC") yang dikeluarkan oleh BNM:

- penilaian pelaburan seperti yang didedahkan dalam Nota 2(e) di bawah; dan
- pelarasan berbangkit daripada pelaksanaan Rangka Kerja RBC, yang telah dibuat pada baki pembukaan pada 1 Januari 2009 dalam penyata kewangan, sebalik pelarasan retrospektif pada 1 Januari 2008 juga.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

Impak kewangan daripada perubahan di atas hasil daripada pelaksanaan Rangka Kerja RBC didedahkan dalam Nota 31 pada penyata kewangan.

Penyediaan penyata kewangan yang menepati FRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang mempunyai kesan terhadap amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti kontingen pada tarikh penyata kewangan, dan amaun hasil dan belanja yang dilaporkan semasa tahun laporan. Ia juga memerlukan para Pengarah mengguna penilaian mereka dalam proses penerapan dasar-dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran ini berdasarkan sejauh pengetahuan pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Bahagian-bahagian yang melibatkan penggunaan tahap penilaian yang lebih tinggi atau yang lebih rumit atau bahagian-bahagian yang andaian dan anggarannya adalah penting kepada penyata kewangan didedahkan dalam Nota 3.

(i) Piawai dan pindaan kepada piawai dan interpretasi yang tersiar terhadap piawai sedia ada yang berkaitan dengan Syarikat tetapi masih belum efektif.

Piawai dan pindaan baru dan disemak semula terhadap piawai tersiar yang ada kaitan dengan Syarikat, tetapi Syarikat belum mengguna pakai adalah seperti berikut:

- FRS 101 Semakan Pembentangan Penyata Kewangan (efektif untuk jangka tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010) melarang pembentangan perkara pendapatan dan belanja (iaitu 'perubahan bukan-pemunya dalam ekuiti') dalam penyata perubahan dalam ekuiti. 'Perubahan bukan-pemunya dalam ekuiti' hendaklah dibentang berasingan daripada perubahan pemunya dalam ekuiti. Semua perubahan bukan-pemunya dalam ekuiti dikehendaki ditunjuk dalam penyata prestasi, tetapi entiti boleh memilih sama ada untuk membentang satu penyata prestasi (penyata tentang pendapatan komprehensif) atau dua penyata (penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif).

Di mana entiti menyata semula atau mengelas semula maklumat bandingan, mereka dikehendaki untuk membentangkan kunci kira-kira yang dinyatakan semula pada permulaan waktu bandingan sebagai tambahan kepada keperluan semasa untuk membentang kunci kira-kira pada akhir tempoh semasa dan tempoh bandingan. Syarikat akan mengguna pakai piawai ini pada tempoh kewangan bermula 1 Januari 2010 dan berkemungkinan kedua-dua penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif akan dibentangkan sebagai penyata prestasi.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

(i) Piawai dan pindaan kepada piawai dan interpretasi terhadap piawai sedia ada yang berkaitan dengan Syarikat tetapi masih belum efektif (sambungan)

- FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengecaman dan Pengukuran (efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Piawai baru ini merangka dasar-dasar bagi mengecam dan mengukur aset kewangan, liabiliti kewangan dan beberapa kontrak belian dan jualan instrumen bukan kewangan. Perakaunan lindungnilai dibenarkan di bawah situasi yang ketat. Pindaan kepada FRS 139 memberi panduan lanjutan tentang perkara dilindung nilai yang layak. Pindaan memberi panduan untuk dua situasi. Apabila risiko sebelah pihak dalam perkara dilindungnilai telah ditentukan, pindaan mengatakan bahawa sebuah opsyen dibeli yang ditentukan secara keseluruhannya sebagai instrumen lindungnilai berisiko sebelah pihak tidak akan efektif sepenuhnya. Penentuan inflasi sebagai risiko lindungnilai atau bahagian tidak dibenarkan kecuali dalam situasi yang tertentu sahaja. Pembaikan pada FRS 139 menjelaskan bahawa skop pengecualian dalam FRS 139 hanya berkaitan dengan kontrak ke hadapan tetapi bukan opsyen untuk gabungan perniagaan yang komited untuk disempurnakan dalam jangka waktu yang munasabah. Syarikat akan mengguna pakai piawai ini daripada tempoh perniagaan bermula 1 Januari 2010.
- Pindaan pada FRS 132 Instrumen kewangan: Pembentangan dan FRS 101 (semakan) Pembentangan Penyata Kewangan – instrumen kewangan letakan dan obligasi yang berbangkit daripada pembubaran (efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010) memerlukan entiti mengelas instrumen kewangan letakan dan instrumen yang mengenakan ke atas entiti suatu obligasi untuk menyerah kepada pihak lain bahagian prorata aset bersih entiti tersebut hanya selepas pembubaran sebagai ekuiti, jika ia mempunyai ciri-ciri tertentu dan memenuhi syarat-syarat tertentu. Syarikat akan mengguna pakai piawai ini dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2010.
- Pindaan pada FRS 139 Pengelasan Semula Aset Kewangan (efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Pindaan ini membolehkan sebuah entiti untuk mengelas semula aset kewangan bukan terbitan (selain daripada apa yang telah ditentukan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL") oleh entiti selepas pengecaman awal) daripada kategori FVTPL dalam keadaan tertentu. Ia juga membenarkan sebuah entiti untuk memindah dari tersedia-untuk-dijual ("AFS") ke kategori pinjaman dan belum terima ("LAR") yang telah menepati definisi LAR (jika aset kewangan itu tidak ditentukan sebagai AFS), jika entiti berhasrat dan berkeupayaan untuk memegang aset kewangan tersebut untuk masa hadapan terdekat. Syarikat akan mengguna pakai piawai ini dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2010. Pindaan ini tidak dijangka menghasilkan perubahan penting ke atas dasar-dasar perakaunan Syarikat.
- FRS 4 Kontrak Insurans (efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010) membenarkan entiti untuk meneruskan dasar perakaunan mereka yang sedia ada bagi kontrak insurans sekiranya dasar tersebut memenuhi kriteria minimum tertentu. Satu daripada kriteria minimum tersebut ialah amaun liabiliti insurans tertakluk pada ujian kecukupan liabiliti.

No Syarikat.

149520

U

Syarikat akan mengguna pakai piawai ini dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2010.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

- (i) Piawai dan pindaan kepada piawai dan interpretasi yang tersiar terhadap piawai sedia ada yang berkaitan dengan Syarikat tetapi masih belum efektif. (sambungan)
- FRS 7 Instrumen kewangan: Pendedahan (efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010) memberi maklumat kepada pengguna penyata kewangan tentang pendedahan sebuah entiti kepada risiko dan bagaimana entiti tersebut mengurus risiko-risiko itu. FRS 7 yang ditambah baiki menjelaskan bahawa entiti-entiti tidak boleh membentangkan jumlah pendapatan dan perbelanjaan bunga sebagai amaun bersih dalam kos kewangan pada muka penyata pendapatan. Syarikat akan mengguna pakai piawai ini dari tempoh bermula 1 Januari 2010.
 - Interpretasi IC 9 Penilaian Semula bagi Derivatif Sematan (efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Interpretasi IC 9 memerlukan sebuah entiti menilai sama ada sebuah derivatif sematan perlu dasingkan daripada kontrak induk dan dikira sebagai derivatif semasa entiti tersebut mula-mula menjadi pihak dalam kontrak tersebut. Penilaian semula yang seterusnya dilarang kecuali jika terdapat perubahan dalam terma kontrak yang mengubah suai secara ketara aliran tunai yang jika tidak, diperlukan di bawah kontrak yang jika demikian, penilaian semula diperlukan. Penambahbaikan pada Interpretasi IC 9 ini (efektif dari 1 Julai 2010) menjelaskan bahawa interpretasi ini tidak terpakai ke atas derivatif sematan dalam kontrak yang diperolehi dalam gabungan perniagaan, perniagaan yang di bawah kawalan bersama atau pembentukan usahasama. Syarikat akan mengguna pakai piawai ini dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2010.
 - Interpretasi IC 10 Pelaporan Kewangan Interim dan Kekejasaan (efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Interpretasi IC 10 melarang kerugian kekejasaan diiktiraf dalam tempoh interim ke atas ehsan dan pelaburan dalam instrumen ekuiti dan dalam aset kewangan yang dinyatakan pada kos untuk ditarik semula pada tarikh kunci kira-kira yang berikutnya. Interpretasi ini tidak dijangka mendatangkan perubahan ketara ke atas dasar-dasar perakaunan Syarikat.
 - Piawai yang berikut akan menjadi efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Syarikat akan mengguna pakai piawai-piawai ini dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2010. Syarikat telah mengguna pakai peruntukan peralihan dalam piawai-piawai masing-masing yang mengecualikan entiti-entiti daripada mendedahkan impak yang mungkin berbangkit daripada penggunaan permulaan piawai tersebut ke atas penyata kewangan Syarikat.
 - FRS 139, Pindaan pada FRS 139 terhadap perkara-perkara layak dilindungi nilai, Pembaikan pada FRS 139 dan Interpretasi IC 9
 - FRS 4
 - FRS 7 dan Pembaikan pada FRS 7

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

- (ii) Piawai dan pindaan kepada piawai dan interpretasi yang tersiar terhadap piawai sedia ada yang berkaitan dengan Syarikat tetapi masih belum efektif.

<u>FRS/Interpretasi</u>	<u>Tarikh efektif</u>
FRS 8 Segmen Kendalian	1 Julai 2009
FRS 123 Kos Pinjaman	1 Januari 2010
Pindaan pada FRS 1 Penerapan Kali Pertama Piawai Pelaporan dan FRS 127 Kos Pelaburan dalam Anak Syarikat, Entiti Dipegang Secara Bersama atau Bersekutu	1 Januari 2010
Pindaan pada FRS 2 Syarat Letak Hak dan Pembatalan	1 Januari 2010
Interpretasi IC 11 FRS 2 Urusniaga Kumpulan dan Saham Perbendaharaan	1 Januari 2010
Interpretasi IC 13 Program Kesetiaan Pelanggan	1 Januari 2010
Interpretasi IC 14 FRS 119 Had atas Aset Manfaat Tertentu, Syarat Pembiayaan Minimum dan Interpretasinya	1 Januari 2010

(b) Gabungan Perniagaan

Kaedah perakaunan belian diguna untuk penggabungan perniagaan. Kos sesuatu pemerolehan diukur sebagai nilai saksama aset yang diberi, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau dipikul pada tarikh pertukaran, termasuk kos yang terlibat secara langsung terhadap pemerolehan. Aset kenal pasti yang diperolehi dan liabiliti dan liabiliti kontingen yang ditanggung dalam penggabungan perniagaan diukur pada permulaannya mengikut nilai saksamanya pada tarikh pemerolehan. Lebih daripada kos pemerolehan daripada nilai saksama saham Syarikat bagi aset kenal pasti bersih yang diperolehi pada tarikh pemerolehan dinyatakan sebagai ehsan. Lihat Nota 2(c) dasar perakaunan berkenaan ehsan. Jika kos pemerolehan kurang daripada nilai saksama aset bersih yang diperolehi, perbezaan diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

(c) Ehsan

Ehsan mewakili lebih imbalan belian dan kos berkaitan pemerolehan daripada agregat nilai saksama aset bersih perniagaan yang diperolehi pada tarikh pemerolehan. Lihat Nota 2(g) dasar perakaunan tentang kejejasan aset bukan kewangan.

Ehsan diuji setiap tahun bagi kejejasan dan dinyatakan pada kos ditolak kerugian kejejasan terkumpul. Kerugian kejejasan ke atas ehsan tidak boleh ditarik semula.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Ehsan (sambungan)

Ehsan diperuntukkan kepada unit-unit penjana tunai bagi tujuan ujian kejejasan. Peruntukan tersebut dibuat kepada unit-unit penjana tunai yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi penggabungan perniagaan yang menghasilkan ehsan tersebut.

(d) Harta, loji dan peralatan

Harta, loji dan peralatan pada permulaannya dinyatakan pada kos. Bangunan atas tanah pajakan kemudiannya ditunjuk pada amaun dinilai semula, berdasarkan penilaian berkala sekurang-kurang sekali setiap 5 tahun oleh jurunilai bebas luaran, ditolak susut nilai yang seterusnya dan kerugian kejejasan. Sebarang susut nilai pada tarikh penilaian semula dihapus dengan amaun simpanan kasar atas aset, dan amaun bersih dinyatakan semula pada amaun dinilai semula aset tersebut.

Semua harta, loji dan peralatan lain dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kejejasan terkumpul. Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan perkara-perkara tersebut.

Kos seterusnya dimasukkan dalam amaun penyimpanan aset atau dikenali sebagai aset berasingan, mana yang sesuai, hanya apabila berkemungkinan manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan perkara itu akan mengalir ke Syarikat dan kos perkara itu boleh diukur secara yang diyakini. Baik pulih dan penyenggaraan dicaj pada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil pada waktu ia ditanggung.

Harta, loji dan peralatan disusut nilai pada asas garisan lurus untuk menghapus kira kos aset kepada nilai sisanya ke atas anggaran tempoh hayat bergunanya, seperti ringkasan berikut:

Bangunan atas tanah pemegang pajak	50 tahun
Kenderaan bermotor	4 tahun
Peralatan pejabat	3 – 6 tahun
Perabot dan kemasan	3 – 6 tahun

Nilai sisa dan hayat berguna aset dikaji semula dan diselaraskan, jika sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira.

Lebihan yang timbul daripada penilaian semula dikredit ke dalam rizab penilaian semula. Sebarang defisit yang berbangkit daripada penilaian semula dicaj kepada rizab penilaian semula setakat lebih terdahulu yang disimpan dalam rizab penilaian semula untuk aset yang sama. Dalam semua kes lain, penurunan dalam amaun simpanan dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat juga menilai sama ada terdapat sebarang tanda-tanda kejejasan. Jika tanda tersebut wujud, suatu analisis akan dilaksanakan untuk menilai sama ada amaun penyimpanan aset tersebut boleh didapati kembali sepenuhnya. Penghapusan kira akan dibuat jika amaun penyimpanan melebihi amaun boleh didapati kembali. Sila lihat Nota 2(g) dasar perakaunan berkenaan kejejasan aset bukan kewangan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Harta, loji dan peralatan (sambungan)

Untung dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan penerimaan dengan amaun penyimpanan dan dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil. Apabila aset dinilai semula dilupus, amaun dalam rizab penilaian semula berkaitan dengan aset tersebut dipindah ke perolehan tertahan.

(e) Sekuriti

Syarikat mengelas portfolio sekuritinya kepada kategori berikut: sekuriti dipegang-untuk-perdagangan, sekuriti dipegang-hingga-matang, atau sekuriti tersedia-untuk-dijual. Pengelasan sekuriti ditentukan pada pengecaman permulaan.

(i) Sekuriti dipegang-untuk-perdagangan

Sekuriti dikelas sebagai dipegang-untuk-perdagangan jika sekuriti itu diperoleh atau ditanggung semata-mata untuk tujuan jualan atau dibeli semula dalam masa terdekat atau ia menjadi sebahagian daripada portfolio sekuriti dikenal pasti yang diuruskan bersama-sama dan baginya terdapat bukti pola sebenar terkini dalam pengautan untung jangka pendek. Sekuriti dipegang-untuk-perdagangan diukur pada nilai saksama dan sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil. Instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga sebutan pasaran dalam pasaran aktif dan nilai saksamanya tidak boleh diukur secara diyakini adalah disimpan pada kos. Untung dan kerugian atas pembatalan pengiktirafan sekuriti diukur sebagai perbezaan antara hasil jualan dengan nilai saksama diselaras terdahulu dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

(ii) Sekuriti dipegang-hingga-matang

Sekuriti dipegang-hingga-matang adalah sekuriti yang mempunyai bayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap dan Syarikat mempunyai hasrat positif dan keupayaan untuk memegangnya hingga matang. Sekuriti dipegang-hingga-matang diukur pada kos pelunasan mengguna kaedah faedah efektif. Sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil apabila sekuriti itu dibatal pengiktirafannya atau terjejas.

(iii) Sekuriti tersedia-untuk-dijual

Sekuriti tersedia-untuk-dijual adalah sekuriti yang tidak dikelas sebagai sekuriti dipegang-untuk-perdagangan atau sekuriti dipegang-hingga-matang dan diukur pada nilai saksama. Sekuriti tersedia-untuk-dijual diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama termasuk kos urusan yang terlibat langsung dalam pemerolehannya. Selepas ukuran awal, sekuriti tersedia-untuk-dijual seterusnya diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang berbangkit daripada perubahan dalam nilai saksama, bersih dari cukai pendapatan, diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, kecuali untuk kerugian kejelasan dan keuntungan dan kerugian tukaran asing. Apabila sekuriti itu dibatal pengiktirafannya atau terjejas, keuntungan atau kerugian terkumpul yang terdahulu diiktiraf dalam ekuiti akan dipindah ke penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Lihat Nota 2(s) dasar perakaunan berkenaan asas penilaian saksama instrumen kewangan.

Dasar perakaunan berkenaan pelaburan yang diguna pakai pada tahun terdahulu diterangkan dalam Nota 31 pada penyata kewangan.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Kejejasan sekuriti

Pada setiap tarikh kunci kira-kira Syarikat menilai sama ada terdapat bukti objektif tentang kejejasan sesuatu sekuriti. Sesuatu sekuriti dikatakan terjejas dan kerugian kejejasan ditanggung jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif kejejasan akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan permulaan aset tersebut ('peristiwa kerugian') dan peristiwa kerugian (atau peristiwa-peristiwa) tersebut mempunyai impak ke atas anggaran aliran tunai masa depan sekuriti yang boleh dibuat anggaran dengan yakin.

(i) Sekuriti disimpan pada kos pelunasan

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian kejejasan ke atas sekuriti dipegang-hingga-matang pada kos pelunasan telah ditanggung, amaun kerugian itu diukur sebagai perbezaan antara amaun penyimpanan aset tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan didiskaun pada kadar bunga asal aset kewangan. Amaun penyimpanan aset dikurangkan menerusi penggunaan akaun peruntukan dan amaun kerugian itu diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Jika, selepas itu, amaun kerugian kejejasan menurun dan penurunan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada suatu kejadian yang berlaku selepas kejejasan itu diiktiraf, kerugian kejejasan yang diiktiraf terdahulu ditarik balik dengan melaraskan akaun peruntukan. Amaun pembalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

(ii) Sekuriti disimpan pada kos

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian kejejasan ke atas sekuriti disimpan pada kos (contoh: instrumen ekuiti atau yang tiada pasaran aktif atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan yakin) telah tertanggung, amaun kerugian itu diukur sebagai perbezaan antara amaun penyimpanan aset dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa bagi sekuriti yang serupa. Kerugian kejejasan yang sedemikian itu tidak boleh ditarik balik.

(iii) Sekuriti disimpan pada nilai saksama

Dalam hal pelaburan yang dikelaskan sebagai tersedia-untuk-dijual, kemerosotan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti tersebut di bawah kos dipertimbangkan dalam penentuan sama ada aset itu terjejas. Jika bukti sedemikian wujud untuk sekuriti tersedia-untuk-dijual, kerugian terkumpul, yang diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dengan nilai saksama semasanya, ditolak kerugian kejejasan ke atas aset kewangan yang diiktiraf sebelumnya dalam untung atau rugi dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Jika, selepas itu, nilai saksama instrumen hutang yang dikelaskan sebagai tersedia-untuk-dijual meningkat dan peningkatan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan kejadian yang berlaku selepas kerugian kejejasan telah diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian kejejasan itu ditarik balik melalui penyata pendapatan dan/atau akaun hasil. Kerugian kejejasan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan atas alat ekuiti tidak ditarik balik menerusi penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kekejasan aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai hayat berguna yang tak tentu tidak tertakluk pada pelunasan dan diuji setiap tahun bagi kekejasan. Aset yang tertakluk pada pelunasan dikaji semula untuk kekejasan, setiap kali kejadian atau perubahan keadaan menunjukkan amaun penyimpanan tidak boleh didapati kembali dengan sepenuhnya.

Kerugian kekejasan diiktiraf bagi amaun yang nilai penyimpanan aset melebihi amaun yang boleh didapati kembali. Amaun yang boleh didapati kembali ialah amaun yang lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan mentaksif kekejasan, aset dikumpulkan pada tahap terendah yang mana terdapat aliran tunai boleh pasti berasingan (unit penjana tunai). Aset bukan kewangan selain daripada ehsan yang telah mengalami kekejasan dikaji semula bagi kemungkinan untuk ditarik balik kekejasan itu pada setiap tarikh laporan.

Kerugian kekejasan dicaj pada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil dengan segera melainkan jika ia membalikkan penilaian terdahulu yang jika demikian ia dicaj pada lebihan penilaian semula. Kerugian kekejasan atas ehsan tidak ditarik balik. Berhubung dengan aset lain, sebarang peningkatan seterusnya dalam amaun yang boleh didapati kembali diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil melainkan jika ia membalikkan kerugian kekejasan atas aset yang dinilai semula yang jika demikian, ia akan dibawa ke lebihan penilaian semula.

(h) Manfaat pekerja

(i) Manfaat pekerja berjangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan manfaat bukan berupa wang diakru dalam tahun perkhidmatan yang berkaitan itu diberi oleh pekerja Syarikat.

(ii) Manfaat selepas pekerjaan

Caruman Syarikat kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja, pelan caruman nasional yang telah ditetapkan, dicaj pada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil bagi tempoh yang berkaitan. Selepas pencaruman telah dibayar, Syarikat tidak lagi mempunyai obligasi untuk membuat bayaran selanjutnya.

(i) Belum terima

Belum terima perdagangan disimpan pada amaun yang diinvoiskan ditolak peruntukan untuk hutang ragu.

Hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan dibuat bagi sebarang hutang yang dianggap ragu untuk dikutip. Sebagai tambahan, peruntukan dibuat untuk sebarang premium, termasuk baki ejen dan penanggung insurans semula, yang kekal belum dibayar lebih daripada 6 bulan ia menjadi belum terima, melainkan untuk premium motor yang belum dibayar yang mana peruntukan dibuat untuk amaun yang belum dibayar melebihi 30 hari.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Keputusan tajajamin insurans am

Keputusan tajajamin insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira insurans semula, komisyen, premium tak peroleh dan tuntutan yang ditanggung.

Pendapatan premium

Pendapatan premium diiktiraf dalam tahun yang mana risiko-risiko telah diambil bagi tahun berkenaan. Premium daripada perniagaan langsung diiktiraf dalam tahun nota debit dikeluarkan. Premium berhubung dengan risiko yang diasaskan yang mana nota debit belum dikeluarkan pada tarikh kunci kira-kira adalah diakru pada tarikh tersebut sebagai premium dalam proses.

Premium perjanjian insurans semula alir masuk diiktiraf atas asas makluman berkala yang diterima daripada penanggung insurans serahan.

Premium insurans semula alir keluar diiktiraf dalam tempoh perakaunan yang sama dengan polisi asal yang berkaitan dengan insurans semula tersebut.

Liabiliti premium

Liabiliti premium merujuk kepada yang lebih tinggi daripada:

- (a) agregat rizab premium tak peroleh ("UPR"); atau
- (b) nilai anggaran terbaik rizab risiko belum tamat tempoh Syarikat ("UPR") pada tarikh penilaian dan peruntukan margin risiko bagi penyimpangan negatif ("PRAD") pada tahap keyakinan 75% seperti yang dikehendaki oleh BNM, dihitung pada tahap keseluruhan syarikat. Nilai anggaran terbaik ialah anggaran prospektif ke atas bayaran masa depan yang dijangka berbangkit daripada peristiwa masa depan yang diinsured di bawah polisi-polisi yang berkuatkuasa pada tarikh penilaian dan juga termasuk peruntukan untuk perbelanjaan Syarikat, termasuk kos kendalian dan kos insurans semula, yang dijangka ditanggung semasa tempoh belum tamat ketika melaksanakan polisi-polisi tersebut dan menyelesaikan tuntutan yang relevan, dan memperuntukkan bayaran balik premium masa depan.

UPR mewakili bahagian premium bersih polisi-polisi yang ditaja berkaitan dengan tempoh belum tamat polisi-polisi tersebut pada akhir tahun berkenaan.

Dalam penentuan UPR pada tarikh kunci kira-kira, kaedah yang paling tepat mencerminkan premium tak peroleh sebenar digunakan, seperti berikut:

- (i) kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit;
- (ii) kaedah pembahagian masa bagi polisi-polisi bukan tahunan yang dikurangkan oleh peratusan komisyen perniagaan langsung kasar dengan premium sepadan, tidak melebihi had yang ditentukan oleh BNM; dan
- (iii) kaedah 1/24 untuk semua kelas lain perniagaan am berhubung dengan polisi Malaysia, dikurangkan oleh peratusan sepadan komisyen perniagaan langsung kasar dengan premium sepadan, tidak melebihi had yang ditentukan oleh BNM.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Keputusan tajajamin insurans am (sambungan)

Liabiliti tuntutan

Liabiliti untuk tuntutan belum bayar diiktiraf berhubung kedua-dua insurans langsung dan insurans semula alir masuk.

Peruntukan untuk liabiliti tuntutan dibuat bagi anggaran kos semua tuntutan bersama-sama dengan belanja berkaitan ditolak pemulihan insurans semula, berhubung tuntutan yang dimaklum tetapi tidak diselesaikan pada tarikh kunci kira-kira. Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan, berserta belanja berkaitan, yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan pada tarikh kunci kira-kira, berdasarkan penilaian aktuari dengan PRAD pada tahap keyakinan 75% seperti yang dikehendaki oleh BNM.

Pada sepanjang tahun berkenaan, pihak pengurusan menilai semula secara tetap tuntutan-tuntutan dan peruntukan-peruntukan secara asas individu dan juga kelas, berdasarkan nasihat dan laporan profesional bebas, maklumat lain yang ada dan penilaian sendiri pihak pengurusan terhadap tuntutan dan peruntukan.

Dasar perakaunan yang diguna pakai pada tahun terdahulu diterangkan dalam Nota 31 pada penyata kewangan.

Kos pemerolehan

Kos memperoleh dan memperbaharui polisi insurans bersih daripada pendapatan yang didapati daripada premium insurans semula serahan, diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan secara betul pada tahun kewangan yang kemungkinan ia akan mendatangkan pendapatan.

(k) Pengiktirafan hasil lain

Pendapatan bunga termasuk amaun pelunasan premium dan tokokan diskaun diiktiraf atas asas pembahagian masa dengan mengambil kira belum lunas pokok dan kadar efektif bagi tempoh hingga matang, apabila ditentukan pendapatan sedemikian akan terakru kepada Syarikat.

Pendapatan sewa diiktiraf atas asas pembahagian masa kecuali apabila berlaku kemungkiran bayaran sewa dan sewa yang belum dibayar kekal tidak berbayar selama melebihi enam bulan, yang jika demikian pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas digantung, pendapatan diiktiraf atas asas penerimaan sehingga semua tunggakan telah dijelaskan.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah ditentukan.

Keuntungan atau kerugian yang berbangkit daripada pelupusan pelaburan dikredit pada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

(l) Urusniaga matawang asing

Perkara-perkara yang dimasukkan dalam penyata kewangan Syarikat diukur mengikut matawang suasana ekonomi utama di mana entiti itu beroperasi ("matawang fungsian").

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(l) Urusniaga matawang asing (sambungan)

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang fungsian dan pembentangan Syarikat.

Urusniaga matawang asing dalam Syarikat dikira pada kadar tukaran pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti monetari matawang asing pada tarikh kunci kira-kira diterjemahkan pada kadar tukaran yang menguasai pada tarikh tersebut. Perbezaan tukaran yang berbangkit daripada penyelesaian urusniaga matawang asing dan daripada penterjemahan aset dan liabiliti monetari matawang asing dimasukkan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

(m) Cukai pendapatan

Belanja cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang cukai dalam bidang kuasa di mana Syarikat beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan yang dikenakan cukai.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, mengguna kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang berbangkit antara amaun berpunca daripada aset dan liabiliti bagi tujuan cukai dengan amaun penyimpanannya dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan akan ada keuntungan dikenakan cukai yang akan diguna untuk perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai belum diguna.

Kadar cukai yang digubal atau digubal sebahagian besarnya menjelang tarikh kunci kira-kira diguna untuk menentukan cukai tertunda dan dijangka diguna apabila aset cukai tertunda yang berkaitan terealis atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

(n) Liabiliti-liabiliti dan aset-aset kontingen

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontingen ialah obligasi munasabah yang timbul daripada peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tiada kejadian satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang di luar kawalan Syarikat atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak mungkin aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti kontingen juga timbul dalam hal yang amat jarang berlaku di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh dikenal pasti kerana ia tidak boleh diukur secara yang diyakini.

Aset kontingen ialah aset munasabah yang timbul daripada peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan dengan berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang di luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengiktiraf aset kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah munasabah, tetapi hampir tidak dapat dipastikan.

(o) Dividen

Dividen diiktiraf sebagai liabiliti apabila obligasi untuk bayar ditentukan.

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(p) Pajakan kendalian dan sewa pajakan prabayar

Pajakan aset di mana semua risiko dan manfaat pemunyaan dipegang oleh pemberi pajak dikelaskan sebagai pajakan kendalian. Bayaran yang dibuat di bawah pajakan kendalian dicaj pada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil atas asas garisan lurus selama tempoh pajakan.

Tanah pemegangan pajak dikira sebagai pajakan kendalian dan bayaran yang dibuat untuk memperoleh tanah pemegangan pajak itu dikelaskan sebagai sewa pajakan prabayar dan dilunas dalam tempoh pajakan.

(q) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi sah atau obligasi konstruktif semasa akibat daripada peristiwa lampau, apabila munasabah bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan apabila anggaran amaun yang boleh diyakini boleh dibuat.

(r) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dan baki bank, tidak termasuk deposit tetap dan panggilan.

(s) Instrumen-instrumen kewangan

Keterangan

Instrumen kewangan ialah sebarang kontrak yang akan membangkitkan kedua-dua aset kewangan sebuah perusahaan dan liabiliti atau instrumen ekuiti sebuah perusahaan lain.

Aset kewangan ialah sebarang aset berbentuk tunai, hak berkontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada perusahaan lain, hak berkontrak untuk menukar instrument-instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang mungkin menguntungkan, atau instrumen ekuiti sebuah perusahaan lain.

Liabiliti kewangan ialah sebarang liabiliti berbentuk obligasi berkontrak untuk menyerahkan tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau untuk menukar instrument-instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang mungkin tidak menguntungkan.

Kaedah pengiktirafan

Kaedah pengiktirafan tertentu yang diterap bagi instrument-instrumen kewangan yang diiktiraf pada kunci kira-kira didedahkan dalam nota dasar perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap perkara.

No Syarikat.

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(s) Instrumen-instrumen kewangan (sambungan)

Anggaran nilai saksama

Asas anggaran nilai saksama Syarikat untuk instrumen-instrumen kewangan adalah seperti berikut:

- nilai saksama Sekuriti Kerajaan Malaysia berasaskan harga pasaran indikatif;
- nilai saksama kertas Cagamas dan sekuriti hutang syarikat tak disebut harga berasaskan kadar hasil pasaran indikatif yang diperoleh daripada pengurus dana;
- nilai saksama sekuriti ekuiti disebut harga berasaskan harga pasaran disebut harga; dan
- amaun penyimpanan untuk aset dan liabiliti kewangan yang mempunyai tempoh matang kurang daripada setahun diandai mengikut nilai saksama anggarannya.

3 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL

Anggaran dan pertimbangan sentiasa dinilai oleh para Pengarah dan berasaskan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa depan yang dipercayai munasabah di bawah keadaan tersebut.

(a) Anggaran dan andaian perakaunan kritikal

Syarikat membuat anggaran dan andaian tentang masa depan. Anggaran perakaunan yang terhasil, mengikut takrif, amat jarang menyamai keputusan berkaitan sebenar. Untuk meningkatkan kandungan maklumat anggaran tersebut, beberapa pemboleh ubah penting tertentu yang dijangka mempunyai impak material kepada keputusan dan kedudukan kewangan Syarikat adalah diuji untuk kepekaan kepada perubahan dalam parameter asas. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara dalam menyebabkan pelarasan material kepada amaun penyimpanan aset dan liabiliti dalam tahun berkenaan digariskan di bawah.

(i) Anggaran kekejasaan ehsan

Ehsan diperuntukkan kepada unit penjana tunai ("CGU") bagi tujuan menguji kekejasaan, yang dijalankan pada tahap terendah ehsan yang diawasi bagi tujuan pengurusan dalaman. Ujian kekejasaan dilaksanakan setiap tahun oleh Syarikat menurut dasar-dasar perakaunannya dengan membandingkan amaun CGU yang boleh didapati kembali dengan amaun penyimpanan aset bersihnya, termasuk yang dianggap ehsan.

Amaun CGU yang boleh didapati kembali ditentukan berasaskan kiraan nilai-dalam-penggunaan. Kiraan itu memerlukan penggunaan anggaran seperti yang dinyatakan dalam Nota 5.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

3 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL (SAMBUNGAN)

(a) Anggaran dan andaian perakaunan kritikal (sambungan)

(ii) Liabiliti tuntutan

Nilai liabiliti bagi setiap kelas perniagaan dianggar dengan merujuk kepada pelbagai teknik anggaran, secara umumnya berasaskan analisis statistik pengalaman sejarah yang menunjukkan corak pendasar perkembangan tuntutan dan bayaran, dan termasuk peruntukan untuk margin risiko bagi penyimpangan negatif ("PRAD") pada tahap keyakinan 75% seperti yang dikehendaki oleh BNM. PRAD ialah satu komponen nilai liabiliti insurans yang berkaitan dengan ketidakpastian yang wujud dalam nilai anggaran terbaik liabiliti tuntutan. PRAD juga merupakan komponen tambahan nilai liabiliti bertujuan untuk memastikan bahawa nilai liabiliti tuntutan ditentukan pada suatu tahap sehingga terhasil tahap keyakinan yang lebih tinggi (atau keberangkalian) bahawa peruntukan akhirnya akan mencukupi. Anggaran muktamad yang dipilih berasaskan pertimbangan penilaian keputusan setiap kaedah dan maklumat kualitatif, sebagai contoh, kelas perniagaan, kematangan portfolio dan anggaran tempoh penyelesaian kelas itu. Unjuran berdasarkan pengalaman sejarah dan tanda aras luaran di mana relevan.

Oleh kerana liabiliti tuntutan muktamad bergantung pada hasil peristiwa masa hadapan seperti saiz anugerah mahkamah, sikap pihak menuntut terhadap penyelesaian tuntutan mereka, dan inflasi sosial dan ekonomi, wujud ketidakpastian dalam sebarang anggaran liabiliti tuntutan muktamad. Oleh yang demikian, ada batasan bagi ketepatan anggaran tersebut. Malah, adalah pasti bahawa kerugian masa depan sebenar dan belanja pelarasan kerugian tidak akan terbentuk tepat seperti yang diunjurkan dan mungkin menyimpang jauh daripada unjuran.

(iii) Premium dalam proses

Premium dalam proses ialah premium yang sudah dimulakan tetapi polisi untuknya belum dikeluarkan.

Anggaran premium dalam proses untuk perniagaan bukan motor berasaskan premium dalam proses sebenar pada tahun-tahun terdahulu yang diselaraskan mengikut trend dan peristiwa semasa. Anggaran premium dalam proses untuk perniagaan motor berdasarkan e-nota lindung sebenar Syarikat yang belum ditukar kepada polisi.

(iv) Cukai pendapatan

Pertimbangan juga diperlukan dalam menentukan peruntukan untuk cukai pendapatan. Terdapat urusan cukai kiraan yang mana penentuan cukai muktamad tidak boleh dipastikan semasa perjalanan biasa perniagaan. Syarikat mengiktiraf liabiliti bagi hal-hal cukai tertentu yang melibatkan pertimbangan subjektif berasaskan penilaian cukai tambahan yang perlu dibayar. Apabila hasil cukai muktamad hal-hal ini ternyata berbeza daripada amaun yang direkod pada permulaannya, perbezaan tersebut akan mendatangkan impak pada peruntukan cukai pendapatan dan cukai tertunda dalam tempoh penentuan tersebut telah dibuat.

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

3 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL (SAMBUNGAN)

(b) Pertimbangan kritikal dalam penggunaan dasar-dasar perakaunan Syarikat

Dalam membuat penentuan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan, pertimbangan sering diperlukan berhubung perkara-perkara yang mana pilihan terhadap sesuatu dasar tertentu boleh menjejaskan secara material keputusan yang dilaporkan dan kedudukan kewangan Syarikat. Walau bagaimanapun, para Pengarah berpendapat bahawa ketika ini tiada dasar-dasar perakaunan yang memerlukan pertimbangan bererti dilaksanakan.

4 HARTA, LOJI DAN PERALATAN

	<u>Bangunan</u> RM	<u>Kenderaan bermotor</u> RM	<u>Peralatan pejabat</u> RM	<u>Perabot dan kemasan</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
<u>Kos/penilaian</u>					
Pada 1 Januari 2009	1,166,667	2,998,012	19,495,927	10,317,165	33,977,771
Berbangkit daripada pemerolehan perniagaan (Nota 30)	190,000	-	1,185,931	-	1,375,931
Tambahan	-	123,434	5,007,263	3,390,714	8,521,411
Jualan	-	(811,228)	(133,189)	(17,000)	(961,417)
Hapus kira	-	(116,422)	(54,468)	(3,300)	(174,190)
	<u>1,356,667</u>	<u>2,193,796</u>	<u>25,501,464</u>	<u>13,687,579</u>	<u>42,739,506</u>
<u>Susut nilai terkumpul</u>					
Pada 1 Januari 2009	55,556	1,866,646	13,630,659	7,059,062	22,611,923
Caj susut nilai	31,578	661,649	3,404,448	2,223,035	6,320,710
Jualan	-	(811,220)	(128,671)	(15,300)	(955,191)
Hapus kira	-	(116,421)	(40,850)	(495)	(157,766)
Pada 31 Disember 2009	<u>87,134</u>	<u>1,600,654</u>	<u>16,865,586</u>	<u>9,266,302</u>	<u>27,819,676</u>
<u>Nilai buku bersih</u>					
Pada 31 Disember 2009	<u>1,269,533</u>	<u>593,142</u>	<u>8,635,878</u>	<u>4,421,277</u>	<u>14,919,830</u>

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

4 **HARTA, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)**

	<u>Bangunan</u> RM	<u>Kenderaan</u> <u>Bermotor</u> RM	<u>Peralatan</u> <u>pejabat</u> RM	<u>Perabot</u> <u>dan</u> <u>kemasan</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
<u>Kos/penilaian</u>					
Pada 1 Januari 2008	1,166,667	3,095,906	15,124,141	7,726,588	27,113,302
Tambahan	-	421,102	4,566,990	2,590,577	7,578,669
Jualan	-	(518,996)	(82,700)	-	(601,696)
Hapus kira	-	-	(112,504)	-	(112,504)
	<u>1,166,667</u>	<u>2,998,012</u>	<u>19,495,927</u>	<u>10,317,165</u>	<u>33,977,771</u>
<u>Susut nilai</u> <u>terkumpul</u>					
Pada 1 Januari 2008	27,778	1,764,706	11,034,639	5,584,299	18,411,422
Caj susut nilai	27,778	334,040	2,741,372	1,474,763	4,577,953
Jualan	-	(232,100)	(68,273)	-	(300,373)
Hapus kira	-	-	(77,079)	-	(77,079)
Pada 31 Disember 2008	<u>55,556</u>	<u>1,866,646</u>	<u>13,630,659</u>	<u>7,059,062</u>	<u>22,611,923</u>
<u>Nilai buku bersih</u>					
Pada 31 Disember 2008	<u>1,111,111</u>	<u>1,131,366</u>	<u>5,865,268</u>	<u>3,258,103</u>	<u>11,365,848</u>

Kali terakhir bangunan dinilai semula adalah pada tahun 2005, berasaskan nilai pasaran terbuka hartanah, mengguna kaedah penilaian perbandingan, dilaksanakan oleh jurunilai bebas yang berkelayakan. Nilai buku bersih bangunan diselaraskan untuk memaparkan penilaian semula dan lebihan yang terhasil telah dikredit ke dalam rizab penilaian semula.

Nilai buku bersih bangunan yang dinilai semula itu, andainya aset itu disimpan pada kos ditolak susut nilai terkumpul, dinyatakan di bawah:

	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
Bangunan atas tanah pemegangan pajak	<u>1,147,924</u>	<u>985,420</u>

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

5 EHSAN

	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
<u>Kos</u>		
Pada 1 Januari	26,929,731	26,929,731
Berbangkit daripada pemerolehan perniagaan (Nota 30)	31,411,824	-
Tolak: Kekejasan ehsan (Nota 21)	(31,411,824)	-
	<u>26,929,731</u>	<u>26,929,731</u>
Pada 31 Disember	<u>26,929,731</u>	<u>26,929,731</u>

Ehsan Syarikat timbul daripada pemerolehan perniagaan Amanah General Insurance (M) Bhd ("AGIB"), Asia Insurance (M) Bhd ("AIMB") dan PanGlobal Insurance Berhad ("PGI") pada tahun 2002, 2007 dan 2009 masing-masing. Pada 31 Disember 2009, amaun penyimpanan ehsan yang berbangkit daripada pemerolehan perniagaan AGIB, AIMB dan PGI adalah RM13,666,666 (2008: RM13,666,666), RM13,263,065 (2008: RM13,263,065) dan Tiada (2008: Tiada) masing-masing.

Ehsan yang berbangkit daripada pemerolehan PGI dihapus kira kepada penyata pendapatan semasa tahun berkenaan oleh kerana para Pengarah berpendapat bahawa akan tiada manfaat ekonomi masa depan berkaitan pemerolehan perniagaan akibat daripada liberalisasi sektor insurans baru-baru ini, termasuk penghapusan batasan ke atas pembukaan cawangan-cawangan baru oleh penanggung insurans milikan asing.

Amaun penyimpanan baki ehsan diperuntukkan kepada CGU yang terdiri daripada rangkaian cawangan yang dipindah daripada AGIB dan AIMB masing-masing. Amaun boleh didapati kembali daripada CGU ditentukan berasaskan kiraan nilai-dalam-penggunaan. Kiraan ini mengguna unjuran aliran tunai pra-cukai berdasarkan bajet kewangan yang diluluskan oleh para Pengarah yang meliputi jangka masa lima tahun. Aliran tunai menjangkau tempoh lima tahun diekstrapolasi mengguna anggaran kadar pertumbuhan jangka panjang.

Andaian utama yang diguna dalam kiraan nilai-dalam-penggunaan bagi CGU masing-masing adalah seperti berikut:

	<u>AGIB</u> %	<u>AIMB</u> %
Purata kadar pertumbuhan perniagaan	7	10
Kadar pertumbuhan jangka panjang (untuk kadar penamat)	5	5
Kadar diskaun pra-cukai	10	10
Nisbah kerugian	61	60

Para Pengarah telah menentukan kadar pertumbuhan berdasarkan prestasi masa lampau dan jangkaan mereka tentang perkembangan pasaran. Purata wajaran kadar pertumbuhan adalah konsisten dengan ramalan yang dimuatkan dalam laporan industri, diselaraskan dengan trend dan jangkaan cawangan-cawangan Syarikat. Kadar diskaun yang diguna adalah kadar pra-cukai dan mencerminkan purata wajaran keseluruhan kos modal.

Jika anggaran purata kadar pertumbuhan perniagaan dan kadar pertumbuhan jangka panjang adalah pada kadar 1% lebih rendah daripada anggaran pengurusan dan jika kadar diskaun pra-cukai dan nisbah kerugian adalah 1 % lebih tinggi daripada anggaran pengurusan, amaun yang boleh didapati kembali daripada CGU masih akan lebih tinggi daripada aset bersih CGU dan dengan yang demikian, tidak akan ada kekejasan pada ehsan.

No Syarikat.

149520	U
--------	---

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

6	SEKURITI	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
	(a) Sekuriti dipegang-untuk-perdagangan		
	<u>Pada nilai saksama</u>		
	Disebut harga di Malaysia:		
	Saham korporat	60,632,029	-
	Saham amanah	1,888,841	-
		-	-
	Jumlah sekuriti dipegang-untuk-perdagangan	<u>62,520,870</u>	<u>-</u>
	(b) Sekuriti tersedia-untuk-dijual		
	<u>Pada nilai saksama</u>		
	Cagamas	3,178,800	-
	Disebut harga di Malaysia:		
	Saham amanah	436,405,289	-
	Sekuriti hutang korporat tak sebut harga	71,074,100	-
	Jumlah sekuriti tersedia-untuk-dijual	<u>510,658,189</u>	<u>-</u>
	(c) Sekuriti dipegang-hingga-matang		
	<u>Pada kos</u>		
	Sekuriti Kerajaan Malaysia	80,985,600	-
	Pelunasan premium – bersih	(328,209)	-
		<u>80,657,391</u>	<u>-</u>
	Sekuriti hutang korporat tak sebut harga	13,007,200	-
	Pelunasan premium – bersih	(6,635)	-
		<u>13,000,565</u>	<u>-</u>
	Jumlah sekuriti dipegang-hingga-matang	<u>93,657,956</u>	<u>-</u>

Struktur matang Sekuriti Kerajaan Malaysia, Cagamas dan sekuriti hutang korporat tak sebut harga di atas adalah seperti berikut:

	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
Matang dalam tempoh 12 bulan	17,957,065	-
Matang selepas 12 bulan	149,953,791	-
	<u>167,910,856</u>	<u>-</u>

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

7 PELABURAN

	2009		2008	
	<u>Kos</u> RM	<u>Nilai</u> <u>pasaran</u> RM	<u>Kos</u> RM	<u>Nilai</u> <u>pasaran</u> RM
Pada kos:				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	-	61,017,100	61,012,750
Pelunasan premium - bersih	-	-	(859,019)	-
	-	-	60,158,081	-
Pada kos:				
Kertas Cagamas	-	-	13,147,000	13,261,600
Pelunasan premium - bersih	-	-	(120,901)	-
	-	-	13,026,099	-
Pada kos:				
Sekuriti ekuiti korporat disebut harga di Malaysia	-	-	43,327,041	36,575,082
Peruntukan untuk penyusutan nilai	-	-	(6,751,959)	-
	-	-	36,575,082	-
Tak sebut harga, pada kos:				
Sekuriti ekuiti korporat	-	-	334,423	-
Peruntukan untuk penyusutan nilai	-	-	(334,423)	-
	-	-	-	-
Sekuriti hutang korporat	-	-	150,613,179	151,568,380
Pelunasan premium - bersih	-	-	(42,003)	-
	-	-	150,571,176	-

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

7 PELABURAN (SAMBUNGAN)

	<u>2009</u>		<u>2008</u>	
	<u>Kos</u>	<u>Nilai</u>	<u>Kos</u>	<u>Nilai</u>
	<u>RM</u>	<u>pasaran</u>	<u>RM</u>	<u>pasaran</u>
		<u>RM</u>		<u>RM</u>
Pelaburan lain	-	-	500,000	423,273
Peruntukan untuk penyusutan nilai	-	-	(76,727)	-
	-	-	423,273	-
Jumlah pelaburan	-	-	260,753,711	-

Struktur matang Sekuriti Kerajaan Malaysia, kertas Cagamas dan sekuriti hutang korporat di atas adalah seperti berikut:

	<u>2009</u>	<u>2008</u>
	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Pelaburan matang dalam tempoh 12 bulan	-	64,691,748
Pelaburan matang selepas 12 bulan	-	159,063,607
	-	223,755,356

Menurut pelaksanaan Rangka Kerja RBC pada 1 Januari 2009, Syarikat telah mengelas semula semua pelaburannya sebagai sekuriti dipegang-untuk-perdagangan, tersedia-untuk-dijual atau dipegang-hingga-matang, seperti yang diterangkan dalam Nota 6 pada penyata kewangan.

8 PINJAMAN

	<u>2009</u>	<u>2008</u>
	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Pinjaman perumahan kakitangan	6,855,578	7,771,879
Pinjaman kenderaan kakitangan	1,993,132	2,565,020
Lain-lain	18,230	19,530
	8,866,940	10,356,430
Belum terima dalam tempoh 12 bulan	65,169	1,362,040
Belum terima selepas 12 bulan	8,801,771	8,994,390
	8,866,940	10,356,430

No Syarikat.

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009 (SAMBUNGAN)

9	BELUM TERIMA	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
	<u>Belum terima perdagangan</u>		
	Premium belum terima daripada ejen, broker dan penanggung insurans bersama	84,455,641	78,253,037
	Belum terima daripada penanggung insurans semula dan penerima sid	27,513,284	15,403,080
	Peruntukan untuk hutang ragu	(16,325,530)	(14,610,094)
		<u>95,643,395</u>	<u>79,046,023</u>
	<u>Belum terima lain</u>		
	Pendapatan belum bayar dan terakru	4,112,597	5,687,920
